

29 JUL 2002

Abdullah-Fitnah

POLIS PERLU BERTINDAK HENTIKAN KEGIATAN FITNAH PM

BUTTERWORTH, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata polis perlu mengambil tindakan terhadap seorang penceramah PAS yang memfitnah kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad menonton video filem lucah bersama cucunya.

Katanya perbuatan bekas anggota Parlimen kawasan Bachok, Kelantan itu Bunyamin Yaacob adalah biadap kerana menyebarkan fitnah yang tidak berkesudahan terhadap Perdana Menteri dan menunjukkan parti itu begitu bersungguh-sungguh mahukan rakyat membenci Dr Mahathir.

"Pada saya itu satu tuduhan yang biadap," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Program Perkongsian Bijak dalam Bidang Peruncitan antara Syarikat Evergreen Nationwide Holdings Sdn Bhd dan Dewan Perniagaan Bekas Tentera Malaysia di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas petikan klip video ceramah Bunyamin membuat dakwaan itu terhadap Dr Mahathir yang disiarkan RTM sejak beberapa hari lalu.

Abdullah berkata hanya orang yang cemburu dan tidak suka kepada Dr Mahathir sahaja yang suka membuat cerita bukan-bukan mengenainya.

Bagaimanapun jumlah rakyat yang menghormati dan menyayangi Dr Mahathir jauh lebih ramai berbanding mereka yang membencinya, katanya.

Mengenai tempoh pengampunan pendatang tanpa izin yang akan tamat lusa, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata ramai majikan telah menghubungi KDN untuk memaklumkan masalah yang mereka hadapi berikutan tempoh pengampunan itu.

Beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Seri Aseh Che Mat untuk menghubungi kumpulan majikan terlibat bagi menyelesaikan masalah mereka itu.

Mengenai laporan dua rakyat Malaysia yang dijatuhi hukuman kerana terlibat dalam sindiket pengedaran DVD cetak rompak di Australia, beliau berkata polis Malaysia telah diarahkan menghubungi polis Australia bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkara itu.

Katanya Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Salleh Mat Som telah diminta menghubungi polis di sana untuk membolehkan siasatan dilakukan jika benar kedua-dua orang yang terlibat adalah rakyat Malaysia.

"Mereka perlu ditahan untuk membantu siasatan selanjutnya," katanya.

Menurut laporan akhbar Herald Sun, polis Australia baru-baru ini menangkap dua rakyat Malaysia dan merampas 45,000 unit DVD cetak rompak mengandungi lebih 100 tajuk filem Hollywood.

Lynda Tan, 36 dan Samuel Lim, 44, dikenakan denda sebanyak RM41,600 oleh sebuah mahkamah di negara itu sebelum dihantar pulang ke Malaysia.

-- BERNAMA

ZU ZS RON